

**Adenan Cuit Hati Pemberita Pada Sidang Akhbar Pertama
Bernama
3 Mac, 2014**

KUCHING, 3 Mac (Bernama) -- Tan Sri Adenan Satem tidak dapat menyembunyikan sikapnya yang gemar berjenaka ketika mengadakan sidang akhbar pertamanya sebagai ketua menteri bagi mengumumkan barisan Kabinet negeri di sini Isnin.

Adenan pada mulanya membuat pemberita terkejut apabila mengumumkan bahawa beliau menggugurkan seorang menteri daripada barisan Kabinet baharu itu, tetapi semua yang hadir kemudian tertawa apabila mendapati menteri yang beliau maksudkan itu ialah dirinya sendiri.

"Saya ingin maklumkan kepada anda bahawa saya menggugurkan seorang menteri. Saya tak tahu siapa beliau, tapi ini kerana beliau telah naik pangkat. Beliau ialah Tan Sri Datuk Amar Adenan Satem. Beliau tidak lagi menjadi menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri di Pejabat Ketua Menteri," katanya.

Adenan berkata portfolio yang beliau sandang sebelum menjadi ketua menteri itu akan dibiarkan kosong.

Menjawab soalan pemberita berapa lama jawatan itu akan dibiarkan kosong, beliau berkata: "Sampai tiba masanya ia perlu diisi...kalaulah itu terjadi".

Petugas media sekali lagi ketawa apabila mendengar komen beliau tentang pilihan raya kecil Balingian, yang akan diadakan berikutan pengunduran bekas ketua menteri dan penyandang kerusi itu Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Adenan, yang kini menjadi pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri berikutan kedudukannya sebagai ketua menteri, berkata beliau sangat yakin BN akan memenangi kerusi itu berdasarkan pencapaiannya sebelum ini.

Apabila dinyatakan kepadanya bahawa pilihan raya kecil itu mungkin menarik penyertaan banyak calon Bebas, Adenan berkata: "Bebas memang bebas untuk bertanding di mana saja mereka suka, tapi kita tidak boleh beri jaminan mereka tidak akan hilang wang pertaruhan".

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1018966>